


1. Jumlah Tenaga Elektrik (nett) yang dijana oleh SESB & IPP bagi Suku Tahun Kedua (Q2) 2012

Loji Penjanaan	GWh
SESB	302.25
IPP	928.95


IPP menyumbang sebanyak 75% daripada jumlah tenaga elektrik bagi suku tahun kedua berbanding SESB yang hanya menjana sebanyak 25%. Secara keseluruhannya, penjanaan elektrik telah meningkat sebanyak 3.57% berbanding suku tahun pertama yang disebabkan oleh permintaan beban yang tinggi iaitu sebanyak 828MW berbanding 783MW.



2. Kecekapan Thermal bagi Loji-Loji Penjanaan SESB & IPP bagi Suku Tahun Kedua (Q2) 2012

Loji Penjanaan	SESB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	31.88	37.77
Loji Penjanaan Enjin Diesel	27.68	37.90


Secara keseluruhannya, SESB dan IPP dapat mengekalkan prestasi loji-loji janakuasa masing-masing seperti kecekapan thermal yang dicapai untuk suku tahun pertama. Ini terutamanya bagi loji penjanaan enjin diesel IPP yang terdapat peningkatan sebanyak 10.3%. Peningkatan ini adalah secara tidak langsung dari peningkatan faktor kesediaan (AF) loji penjanaan enjin diesel.



3. Purata Faktor Kesediaan Setara Loji (AF) bagi Loji-Loji Penjanaan SESB & IPP bagi Suku Tahun Kedua (Q2) 2012

Loji Penjanaan	SESB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	62.57	96.88
Loji Penjanaan Enjin Diesel	58.43	65.43
Loji Penjanaan Hidro - SESB sahaja	82.53	-
Purata AF		76.24
Purata kumulatif AF (Januari - Jun)		73.55


Bagi suku tahun kedua, purata faktor kesediaan loji mencatat sebanyak 76.24% berbanding dengan suku tahun pertama iaitu sebanyak 70.85%. Faktor kesediaan loji tersebut meningkat adalah berkaitan secara langsung dengan jadual penyenggaraan loji dan henti tugas loji yang tidak terancang.



4. Purata Faktor Henti Tugas Terancang (POF) bagi Loji-Loji Penjanaan SESB & IPP bagi Suku Tahun Kedua (Q2) 2012

Loji Penjanaan	SESB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	31.70	1.03
Loji Penjanaan Enjin Diesel	16.68	2.08
Loji Penjanaan Hidro - SESB sahaja	3.46	-
Purata POF		8.59
Purata kumulatif POF (Januari - Jun)		8.72

Purata faktor Henti Tugas Terancang (POF) bagi loji-loji penjanaan SESB & IPP mencatat peningkatan sebanyak 0.66% berbanding suku tahun pertama. Ini adalah disebabkan kerja-kerja utama penyenggaraan ke atas Stesen Ranhill Powertron (loji kitar padu), Stesen Serudong (loji enjin), dan Stesen Tenom Pangli (loji hidro).



5. Purata Faktor Henti Tugas Tidak Terancang (UOF) bagi Loji-Loji Penjanaan SESB & IPP bagi Suku Tahun Kedua (Q2) 2012

Loji Penjanaan	SESB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	5.11	0.80
Loji Penjanaan Enjin	18.68	24.81
Loji Penjanaan Hidro - SESB sahaja	14.45	-
Purata UOF		13.86
Purata kumulatif UOF (Januari - Jun)		16.88

Bagi suku tahun kedua, didapati faktor henti tugas tidak terancang (UOF) untuk loji janakuasa kitar padu SESB, loji janakuasa enjin SESB & IPP, dan loji janakuasa hidro SESB telah melepasi sasaran UOF. Loji kitar padu mencatatkan UOF sebanyak 5.11% kerana masalah suhu terlalu tinggi di turbin gas, loji enjin pula menghadapi masalah dengan *crankshaft* & pam air penyejuk rosak. Manakala loji hidro pula menghadapi masalah kerosakan *generator* & paip air penyejuk telah pecah.

